

MukaDua Berita Harian, 10/9/2020, M/s 2

Bank sentiasa sedia bantu meminjam terjejas pandemik

Inisiatif jamin sektor perniagaan, isi rumah terus dibantu

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Putrajaya: Institusi perbankan terus bersedia membantu peminjam yang masih terjejas akibat COVID-19 melalui moratorium lanjutan dan bantuan bank bersasar bermula 1 Oktober ini, kata Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Beliau berkata, inisiatif berkenaan bagi menjamin sektor perniagaan dan isi rumah yang benar-benar memerlukan akan terus dibantu melalui akses kepada pembiayaan.

"Penemuan dan pembuatan vaksin COVID-19 secara komersial akan mengambil masa. Justeru, kita perlu memastikan sistem perbankan negara kekal kukuh dan sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan pada masa hadapan," katanya dalam Laporan LAKSANA Ke-20 Pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)

yang dikeluarkan, semalam.

Tengku Zafrul berkata, setakat 28 Ogos lalu, nilai moratorium bayaran balik pinjaman institusi kewangan yang berkuat kuasa sejak 1 April lalu dianggarkan berjumlah RM81.9 bilion.

Daripada nilai itu, sebanyak RM28.6 bilion adalah jumlah dimanfaatkan sektor perniagaan, manakala jumlah dimanfaatkan peminjam individu bernilai RM53.3 bilion.

"Sehingga 28 Ogos lalu, pihak bank sudah menghubungi lebih dua juta peminjam yang merangkumi individu, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta syarikat lain, termasuk perniagaan korporat dan komersial bagi menawarkan bantuan pembayaran pembiayaan.

"Sejumlah 732,000 peminjam yang mengambil moratorium secara automatik sudah kembali meneruskan bayaran ansuran bulanan pinjaman setakat 28 Ogos lalu berbanding 336,000 peminjam pada April 2020," katanya.

Mengenai diskaun bil elektrik, Tengku Zafrul berkata, kira-kira tujuh juta pengguna domestik menikmati diskaun berjumlah RM1.67 bilion setakat 31 Ogos lalu.

"Daripada jumlah besar diskaun elektrik diberikan Tenaga Nasional Bhd (TNB), 83 peratus daripadanya dimanfaatkan oleh pengguna domestik," katanya.

Bagi sektor perniagaan pula, katanya, kira-kira 1.4 juta syari-

kat menikmati diskaun bernilai RM181.7 juta.

Mac lalu, kerajaan bersama TNB menambah peruntukan sebanyak RM530 juta bagi memberikan diskaun elektrik antara 15 peratus hingga 50 peratus, yang mana potongan mengikut penggunaan kadar elektrik dengan had maksimum 600 kilowatt sebulan bermula bil April lalu.

Diskaun 50 peratus diberikan kepada penggunaan elektrik bawah 200 kilowatt, 25 peratus bagi penggunaan antara 201 hingga 300 kilowatt dan 15 peratus bagi penggunaan 301 hingga 600 kilowatt.

Tengku Zafrul berkata, sejumlah RM627.1 juta sudah disalurkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) setakat 28 Ogos lalu, dalam usaha meningkatkan keupayaannya memerangi pandemik COVID-19.

Penemuan dan pembuatan vaksin COVID-19 secara komersial akan mengambil masa. Justeru, kita perlu memastikan sistem perbankan negara kekal kukuh, sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan pada masa hadapan.

Tengku Zafrul
Tengku Abdul Aziz,
Menteri Kewangan

